

22/11/2001

Ratu Elizabeth, Goh ucap takziah

KUALA LUMPUR, Rabu - Ratu England, Ratu Elizabeth II turut menyampaikan ucapan takziah kepada Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Siti Aishah, dalam satu kenyataannya menerusi Pesuruhjaya Tinggi British di sini.

Ucapan takziah berkenaan disampaikan kepada Raja Permaisuri Agong menerusi Datuk Maharaja Lela Istana Negara, Datuk Zubir Ali, hari ini.

"Beta berasa sedih menerima berita kemangkatan Yang di-Pertuan Agong dan mengucapkan salam takziah kepada Raja Permaisuri Agong dan seluruh kaum kerabat, kerajaan dan juga rakyat Selangor khususnya serta rakyat Malaysia, amnya," titahnya.

Kerajaan Singapura turut mengucapkan takziah dengan Presidennya, S R Nathan menghantar ucapan takziah dan simpati kepada Raja Permaisuri Agong.

Nathan dan Perdana Menteri Goh Chok Tong turut menghantar perutusan takziah kepada Pemangku Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)